

OPS GEMPUR BIL. 7/2022 JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA

13 Ogos 2022, MELAKA – Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah selesai menjalankan Ops Gempur Bil 7/2022. Operasi Gempur kali ini telah dijalankan ke atas Premis Yang Ditetapkan Buangan Terjadual (PYDT-BT), Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT) termasuklah loji janakuasa dan loji rawatan kumbahan.

Operasi ini dianggotai seramai 17 anggota penguatkuasa dari Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka yang dibahagikan kepada 6 pasukan. Sebanyak 10 premis telah diperiksa yang membawa kepada 9 arahan di lapangan, 6 Kompaun, dan 3 Notis Arahan telah diambil tindakan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka. 6 botol sampel telah diambil dan tindakan selanjutnya setelah menerima hasil keputusan analisa kimia daripada Jabatan Kimia Malaysia.

Orang awam diminta untuk menyalurkan aduan berkaitan kes-kes pencemaran alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727, email ke aduan_k@doe.gov.my atau ke portal aduan <https://eaduan@doe.gov.my>.

#KementerianAlamSekitarDanAir

#jabatanalamsekitar

#alamsekitartanggungjawabbersama

#jasnegerimelaka